

24 Februari 2010

Wanita Kunci Kesejahteraan Afghanistan Di Masa Depan

Oleh Stephen Kaufman

Penulis Staf

Washington - Pelaburan dalam pembangunan wanita adalah strategi pembangunan global yang paling berkesan, dan Afghanistan tidak terkecuali, kata seorang pegawai Jabatan Luar Negara, yang menerangkan kepada panel Senat usaha-usaha yang dilakukan oleh pentadbiran Obama untuk mempromosi hak-hak wanita sebagai kuasa yang kuat tetapi kurang dimanfaatkan untuk pembangunan di Afghanistan.

Pada 23 Februari, Melanne Verveer, Duta Besar untuk Isu-isu Wanita Global Amerika Syarikat, bercakap kepada Jawatankuasa Kecil Hubungan Luar Negara Senat A.S. bagi Operasi dan Pertubuhan Antarabangsa, Hak Asasi Manusia, Demokrasi dan Masalah Global Wanita, dan Jawatankuasa Kecil Hal Ehwal Timur Dekat dan Selatan dan Asia Tengah.

Dalam testimoni bertulis beliau, Melanne memuji "ramai pemimpin wanita berkebolehan di Afghanistan yang mengambil risiko setiap hari," baik dalam bidang politik, masyarakat awam, kesihatan, perniagaan atau pendidikan. Walaupun digertak dan diancam, wanita-wanita ini mengambil risiko "untuk bekerja bersama-sama kaum lelaki untuk mencipta masa depan yang lebih baik untuk negara mereka," kata Verveer. Beliau menambah bahawa wanita Afghanistan bekerja sebagai guru, bidan, petani dan polis dan ahli-ahli majlis wilayah.

Sokongan A.S. untuk hak asasi manusia termasuk usaha-usaha untuk memperkasakan wanita di Afghanistan, dan penyertaan mereka "penting untuk pembangunan, tadbir urus yang baik dan keamanan yang berterusan" di negara mereka, katanya.

"Era penindasan kejam oleh Taliban telah berlalu," kata Verveer. "Namun dalam setiap langkah pembangunan dan dalam setiap segi, wanita di Afghanistan terus menderita semata-mata kerana mereka dilahirkan sebagai wanita."

Kelebihan yang golongan wanita perolehi selepas zaman Taliban dalam bidang politik tidak dapat dicapai kerana keadaan keselamatan yang tidak baik, di mana wanita yang bercita-cita atau menjawat jawatan awam diancam dan dibunuhi. Kerajaan Afghanistan telah gagal untuk melindungi atau melibatkan mereka dalam membuat keputusan, katanya.

"Kelebihan politik mereka hari ini tampak rapuh dan memerlukan perhatian langsung dan berterusan daripada masyarakat antarabangsa," kata Verveer.

Afghanistan merupakan negara yang mempunyai kadar kematian ibu hamil kedua tertinggi di dunia kerana kekurangan penjagaan kesihatan. Dalam bidang pendidikan, Verveer berkata walaupun 35 peratus daripada pelajar Afghanistan adalah perempuan berbanding tidak ada langsung pada zaman Taliban, hanya 21 peratus wanita boleh membaca dan menulis, dan kadar buta huruf adalah setinggi 90

peratus di luar bandar negara itu. Gadis-gadis yang ingin mendapatkan pendidikan juga menghadapi ancaman daripada pelampau, yang membakar sekolah, menyerang pelajar wanita dengan gas, dan melempar asid ke muka pelajar perempuan, katanya.

Verveer mengatakan keganasan terhadap golongan wanita dan gadis "masih menjadi penyakit dalam masyarakat Afghanistan," dan "mungkin adalah penghalang terbesar untuk penyertaan penuh kaum wanita dalam kerajaan."

Keganasan ini "bukanlah satu budaya atau tindakan persendirian," katanya. "Ini adalah jenayah dan harus ditangani sebagai kesalahan jenayah."

"Wanita Afghanistan menghadapi penderitaan keganasan rumah tangga, diperkosa, kahwin paksa, pelacuran paksa, penculikan, pembunuhan yang kononnya untuk menjaga 'kehormatan', dan amalan-amalan budaya yang menggunakan anak perempuan sebagai bayaran untuk menyelesaikan perselisihan dan amalan yang membiarkan wanita mengorbankan diri," katanya. Sekitar 80 peratus jenayah dan perselisihan diselesaikan melalui sistem pengadilan tradisional, yang "terang-terangan mendiskriminasi wanita," kata Verveer.

Pentadbiran Obama adalah di antara kerajaan yang membantu menghalang golongan wanita di Afghanistan untuk memanfaatkan potensi besar dalam diri mereka, tambah Verveer.

Pelan tindakan bagi wanita dan gadis Afganistan yang dirasmikan oleh Setiausaha Negara Hillary Rodham Clinton pada bulan Januari 29 merangkumi inisiatif yang dibiayai AS untuk meningkatkan keselamatan wanita; menggalakkan peluang-peluang untuk wanita memimpin di sektor awam dan swasta; akses kepada penjagaan kesihatan, pendidikan dan perkhidmatan kerajaan; dan menyediakan peluang ekonomi, khususnya di bidang pertanian, kata Verveer.

Amerika Syarikat telah melatih golongan wanita tempatan untuk mempersiapkan mereka agar dapat memainkan peranan dalam kepimpinan politik, dan menyokong pertubuhan masyarakat sivil Afghanistan dalam menyediakan pendidikan sivik dan latihan media. Menurut Verveer, di antara peranan penting yang dimainkan oleh AS adalah:

- Program pinjaman kecil bernilai AS\$26.3 juta untuk organisasi-organisasi bukan kerajaan yang dipimpin oleh wanita untuk mengajar mereka kemahiran dalam urusan pejabat, kraftangan dan pertanian.
- Latihan kepada 525 pegawai polis wanita dan 600 orang wanita yang bekerja di sektor kehakiman di Afghanistan.
- Sokongan untuk unit tindak balas keluarga yang sebahagian besar dikendalikan oleh polis wanita dan yang menawarkan perlindungan untuk mereka melaporkan kes-kes jenayah.
- Bengkel mengenai keganasan domestik untuk melatih 550 pegawai polis lelaki dan wanita.
- Program bernilai AS\$2 juta untuk meningkatkan kesedaran para pemimpin agama dan politik mengenai kepentingan hak-hak asasi manusia dan wanita di dalam konteks Islam.
- Bantuan pembangunan ekonomi dan latihan untuk mengajar 52,500 wanita tentang cara menjual dan memasarkan produk kasmir daripada ternakan kambing mereka.
- Latihan dan bekalan untuk 180 orang wanita bagi mereka memulakan perniagaan dalam penternakan dan pengurusan syarikat.

- Lebih dari 100,000 orang wanita Afghanistan merupakan penerima pinjaman mikro dari Badan Pembangunan Antarabangsa AS, latihan kemahiran kerja dan program wang tunai untuk bekerja.
- Dana untuk penubuhan sekolah rendah, program celik huruf dewasa dan latihan guru bagi golongan wanita dan lelaki di kawasan-kawasan luar bandar.
- Bantuan untuk meningkatkan jumlah jururawat perbidanan dan pekerja sector kesihatan wanita dan meningkatkan akses wanita terhadap perkhidmatan kesihatan.

Menurut Verveer, pemerkasaan wanita dilakukan bukan hanya demi kepentingan hak asasi manusia. Skala reformasi yang diperlukan di Afghanistan memerlukan komitmen dan penyertaan daripada pihak lelaki dan wanita, dan penyertaan wanita dalam kehidupan awam yang membolehkan mereka untuk menyumbang untuk kegiatan ekonomi negara mereka.

"Ia satu fakta mudah bahawa tidak ada negara boleh maju jika separuh daripada penduduknya ketinggalan. Daripada kajian-kajian dan penyelidikan-penyelidikan yang dilakukan oleh kerajaan, pertubuhan-pertubuhan multilateral, syarikat-syarikat dan kumpulan-kumpulan pemikir, kita tahu bahawa pelaburan untuk pembangunan wanita adalah strategi pembangunan yang paling berkesan untuk membasmi kemiskinan, menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan kebijakan umum satu-satu negara," katanya.

"Tidak akan ada kemajuan, di Afghanistan atau di bahagian-bahagian lain di dunia, tanpa kemajuan untuk kaum wanita," kata Verveer.